

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)

18 APRIL 2025

Arahan kepada calon-calon :

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 03 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:

Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Bagi Bahagian B dan C, mulakan setiap jawapan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

***** SEMOGA BERJAYA *****

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **tiga puluh (30)** soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai **1 markah**.

- 1) Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) ada mempunyai fokus-fokus utama. Fokus-fokus nya adalah:
 - a. Pelanggan, Piawai (Standard) dan Sikap
 - b. Janji, MPK Jabatan dan Sikap / Etika
 - c. Orang Ramai, Piawai dan Etika Perkhidmatan Awam
 - d. Orang Ramai, Piawai (Standard) dan Sikap / Etika

- 2) Kuasa membenarkan memangku semua jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) bagi tempoh melebihi 180 hari ialah:
 - a. Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
 - b. Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan
 - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - d. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

- 3) Terdapat beberapa peraturan didalam iklan jawatan kosong yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Apakah peraturan-peraturan tersebut?
 - a. Peraturan 7 (a), Peraturan 37 (a), Peraturan 38 (b)
 - b. Peraturan 7 (a), Peraturan 38 (a), Peraturan 38 (b)
 - c. Peraturan 7 (b), Peraturan 8 (a), Peraturan 38 (b)
 - d. Peraturan 7 (a), Peraturan 37 (b), Peraturan 38 (b)

- 4) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 (b) Kelakuan dan Tatatertib, menyatakan adalah menjadi kewajipan sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan untuk:
 - a. Menguruskan hal ehwal urustadbir dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - b. Mengawal hal ehwal lantikan, termasuk tindakan tatatertib dan lantikan gaji hari
 - c. Mengawal hal ehwal kenaikan pangkat dan hal ehwal lantikan bagi perkhidmatan tetap dan perkhidmatan sementara, kecuali lantikan gaji hari
 - d. Mengawal hal ehwal pengisian kekosongan jawatan tetap, gaji hari dan kontrak

- 5) Pihak Berkuasa Tatatertib yang berperanan selaku Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan didalam Bahagian I sehingga V, dan tidak termasuk pekerja bergaji hari, ialah:
- Ketua Jabatan yang berkenaan
 - Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
- 6) Peraturan waktu kerja pejabat dalam sehari dan seminggu yang perlu dipatuhi oleh semua penjawat awam iaitu:
- Minimum 7 ½ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 39 ½ Jam
 - Minimum 7 ¼ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 37 ¼ Jam
 - Minimum 7 ½ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 37 ½ jam
 - Minimum 7 ½ jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 38 ½ Jam
- 7) Pemberian bonus mengikut gred prestasi adalah bertujuan memotivasikan kakitangan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan daripada peranan mereka untuk menggalakkan pencapaian matlamat dan prestasi yang cemerlang di tempat kerja. Dalam kedudukan berikut, pemberian bonus tahunan tidak akan diberikan, kecuali:
- Amaran secara bertulis buat kali pertama dibawah bab 53 penggal B
 - Tidak lulus dalam pengajian Latihan Dalam Perkhidmatan LDP
 - Cuti Beranak diambil selama 105 hari
 - Prestasi ditahap gred memerlukan pembaikan
- 8) Bab 5, Akta Rahsia Rasmi (Penggali 153), adalah ketentuan yang mengharuskan pegawai yang menyimpan, mengurus, atau memiliki akses ke dokumen rahsia untuk menandatangani Sijil Pengakuan Akta Rahsia Rasmi. Gagal mematuhi dan melanggarnya, maka seseorang boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman, iaitu:
- Penjara tidak kurang dua (2) tahun dan denda tidak kurang daripada \$10,000
 - Penjara tidak lebih dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
 - Penjara tidak kurang tiga (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
 - Penjara tidak lebih tiga (3) tahun dan denda tidak kurang daripada \$20,000

- 9) Lantikan seorang pegawai yang baru sahaja diambil bekerja ke Perkhidmatan Awam biasanya akan dikira dari hari ianya menjawat jawatan dan dia hendaklah mendapat gaji dari tarikh itu menurut peruntukan 21, dibawah Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Kerajaan 1961 (General Order). Sila nyatakan berdasarkan Bab 22, bilakah tarikh Kenaikan Gaji bagi pegawai dalam Bahagian I dan II tersebut:
- Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh pegawai yang dilantik dalam percubaan telah berjaya
 - Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh permulaan pegawai dilantik
 - Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh pegawai dilantik ke satu jawatan dalam percubaan tiga (3) tahun
 - Tarikh kenaikan gaji jatuh pada tarikh hari pertama dalam tahun berikutnya
- 10) Jawatan-jawatan berikut tidak memerlukan pegawai yang dilantik memangku untuk lulus Peperiksaan Perintah-Perintah Am, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (GO) dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR), kecuali:
- Pegawai Penaksir Tanah Kanan, Pegawai Projek, Pegawai Pendidikan Pakar
 - Pengarah Kesihatan, Timbalan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa,
 - Pegawai dalam Skim BAS, Juruaudit, Pegawai Kewangan
 - Pegawai Kakitangan Kanan, Pegawai Perubatan Gred I, Pegawai Kajicuaca
- 11) Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 1/1987, 1/1991 dan 1/1994 ada menyatakan kelayakan pegawai yang layak menerima Elaun Khas, kecuali:
- Pegawai dalam Perkhidmatan 'Month to Month' dari Bahagian II ke bawah
 - Pegawai yang belajar di luar negeri sama ada secara bergaji atau cuti belajar
 - Pegawai dalam Perkhidmatan secara open-vote dan bergaji hari daripada Bahagian II ke bawah
 - Pegawai dalam perkhidmatan tetap daripada Bahagian II ke bawah
- 12) Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 3/2019, mempunyai lima (5) fasa penilaian mengikut kitaran sistem penilaian prestasi. Sebutkan salah satu fasa tersebut, ialah:
- Penilaian prestasi secara keseluruhan akan diberikan gred penilaian pada bulan Ogos
 - Perancangan kerja/huraian tugas/sasaran objektif dan perakuan prestasi hendaklah dijalankan pada bulan September
 - Pemantauan pertama pencapaian hasil (results) pada bulan Mac
 - Pemantauan kedua pencapaian hasil (results) pada bulan Jun

- 13) Awang Alitrent bin Arnoldillah adalah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, yang bertugas dibawah Skim Perantis Perkhidmatan Awam (SkiPPA) telah dilaporkan tidak hadir bertugas dan keluar negeri tanpa kebenaran secara berselang seli sebanyak enam (6) kali mulai Februari 2025 tanpa makluman. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi menanggapi kes ini?
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Ketua Jabatan
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- 14) Pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam boleh dipertimbangkan mendapatkan Elaun Pelajaran bagi anak-anak yang menuntut di luar negeri dengan persyaratan umur seperti berikut:
- 5 tahun sehingga 25 tahun
 - 5 tahun sehingga 28 tahun
 - 10 tahun sehingga 28 tahun
 - 10 tahun sehingga 25 tahun
- 15) Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) telah diadakan pada hari Isnin, 26 Rabiulawal 1446H, bersamaan 30 September 2024M. Sila nyatakan tema Sambutan HPA berkenaan?
- Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara
 - Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara
 - Transformasi Akauntabiliti dan Ketelusan Perkhidmatan Awam dalam Pentadbiran Negara
 - Keberdayatahan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara
- 16) Dayang Farhanatun bte Salleh, Pegawai Kerja di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Ukur diarahkan untuk menyemak permohonan kakitangan bagi mendapatkan kemudahan perumahan dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam. Semua persyaratan dibawah adalah betul, kecuali:
- Pegawai lelaki dan perempuan dalam Bahagian III dan IV dalam jawatan percubaan dan berkontrak
 - Pegawai lelaki dalam Bahagian I, II, II dan IV dalam jawatan Tetap dan Berpencen
 - Pegawai dalam Bahagian V dalam Perkhidmatan Tetap dan mempunyai tanggungan keluarga
 - Pegawai wanita dalam Bahagian II dan III yang mempunyai suami bekerja di sektor swasta dan mempunyai tanggungan ayah ibu

- 17) Awang Aziz bin Ruslan, Penolong Pentadbir di Jabatan Hal Ehwal Masjid telah diberi peruntukan kemudahan flat perumahan kerajaan sejak tahun 2020. Bagaimana pun, dalam satu lawatan kerja oleh Sub-Unit Teknikal Perumahan, Jabatan Perkhidmatan Awam, mendapati kerja-kerja penambahan kepada ruang dapur untuk menjadikan bilik tidur pembantu. Sila nyatakan tindakan yang boleh diambil:
- Kos bagi kerja penambahbaikan boleh dituntut melalui jabatan
 - Disarankan mengisi borang teknikal untuk kebenaran ABCi
 - Dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya bagi pemeriksaan struktur bangunan
 - Peruntukan perumahan dibatalkan dan ditarik balik
- 18) Bagi pegawai-pegawai tempatan dalam Perkhidmatan Tetap, Perkhidmatan Sebulan ke Sebulan dan Kontrak, berapakah tempoh minima perkhidmatan untuk disokong memangku sesuatu jawatan tertentu?
- Setelah ditetapkan dalam jawatan
 - Setelah 6 bulan perkhidmatan
 - Setelah satu tahun perkhidmatan
 - Tiada tempoh minima dipersyaratkan
- 19) Semua warga Perkhidmatan Awam, termasuk yang tidak dijemput, adalah dimestikan berada dalam negeri bagi sama-sama mengambil bahagian dan memeriahkan Majlis-Majlis Rasmi Negara. Sila nyatakan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang dimaksudkan, iaitu:
- Surat Keliling JPM Bil: 01/ 1993 dan dikuatkuasakan: 21 Julai 1993
 - Surat Keliling JPM Bil: 11/ 1996 dan dikuatkuasakan: 22 Mac 1996
 - Surat Keliling JPM Bil: 01/ 1998 dan dikuatkuasakan: 11 Oktober 1998
 - Surat Keliling JPM Bil: 11/ 1999 dan dikuatkuasakan: 22 Julai 1999
- 20) Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 10/2003 menjelaskan penubuhan Audit Dalaman. Sila jelaskan definisi mengenai Audit Dalaman tersebut:
- Penilaian bebas yang diwujudkan di dalam sesebuah kementerian/jabatan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman
 - Penilaian rahsia untuk memantau hal ehwal kewangan jabatan dan sistem kawalan dalamannya
 - Penilaian untuk memantau keberkesanan pengurusan dan pentadbiran jabatan
 - Penilaian yang dipantau oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan untuk mengukur kestabilan prestasi Kementerian/Jabatan

- 21) Lantikan memangku hanya dibenarkan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan berikut, kecuali:
- Perkhidmatan Tetap
 - Perkhidmatan Sebulan ke Sebulan
 - Kontrak Tempatan
 - Bergaji Hari dan *Open-Vote*
- 22) Sebutkan agensi kerajaan yang dipertimbangkan untuk pemberian faedah-faedah perkhidmatan termasuk pemberian Cuti Khas:
- Agensi Pekerjaan Brunei
 - Agensi Pelaburan Brunei
 - Kementerian Pembangunan
 - Kementerian Kewangan dan Ekonomi
- 23) Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) adalah bagi pegawai/kakitangan yang tidak mampu (akibat kesakitan) untuk pergi ke hospital, rumah-rumah sakit ataupun klinik-klinik kesihatan untuk mendapatkan sijil cuti sakit. Nyatakan kelayakan tempoh cuti yang boleh diambil, iaitu:
- Tidak boleh melebihi tempoh 6 hari dalam satu (1) tahun
 - Tidak boleh melebihi tempoh 7 hari dalam satu (1) tahun
 - Tidak boleh melebihi tempoh 3 hari berturut-turut
 - Tidak boleh melebihi tempoh 2 hari berturut-turut cuti awam dan cuti sakit
- 24) Tiga (3) fokus utama dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21, kecuali salah satu:
- Dasar
 - Pelakuan organisasi
 - Sumber manusia
 - Struktur organisasi
- 25) Apakah tindakan yang boleh dikenakan kepada Encik Latip bin Seman, iaitu pegawai kontrak bukan tempatan yang bertugas di Kementerian Pembangunan didapati keluar negeri tanpa kebenaran?
- Ditahan gaji 50% dan digantung perkhidmatan
 - Diberi amaran untuk tidak mengulangi dan dicatat kedalam rekod perkhidmatan
 - Dimestikan menghadiri kaunseling di Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Dibuang kerja dengan perjanjian kontrak ditamatkan

- 26) Syarat peruntukan perumahan kerajaan adalah mengikut kelayakan-kelayakan pegawai yang berikut. Sila pilih yang paling betul.
- Pegawai Lelaki dalam Bahagian I, II, III DAN IV dalam Perkhidmatan Tetap dan Kontrak Luar Negeri
 - Pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Tetap Bahagian V, Sebulan ke Sebulan dan Open Vote.
 - Pegawai Perempuan Bahagian I, II, III DAN IV dan Kontrak Tempatan
 - Pegawai Perkhidmatan Tetap dan kontrak Tempatan dalam Bahagian I, II, III dan IV
- 27) Setiap warga perkhidmatan awam dikehendaki bekerja setiap hari dengan jumlah waktu bekerja minimum seminggu mulai 2hb Januari 2025, iaitu:
- 35 $\frac{1}{4}$ jam
 - 35 $\frac{1}{2}$ jam
 - 37 $\frac{1}{4}$ jam
 - 37 $\frac{1}{2}$ jam
- 28) Dayang Maisalamah bte Budin, Jurutera menerima peruntukan kemudahan rumah dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam. Terdapat satu senario dimana kebenaran tersebut tidak akan terbatal jika beliau didapati memiliki rumah daripada salah satu skim-skim berikut:
- Membina rumah dengan pinjaman bank Baiduri (loan)
 - Terpilih menerima Skim Perpindahan/Perumahan Negara
 - Bantuan pinjaman kewangan kerajaan bagi membina rumah
 - Dikurniakan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati
- 29) Terdapat enam (6) proses utama yang merupakan komponen penting dalam pelaksanaan TPOR. Apakah empat (4) proses yang berkaitan:
- KPI Organisasi, prosedur, penambahbaikan proses, dan kaji-cuba
 - Jawatankuasa, pengubalan, promosi dan pemantauan
 - Pemantauan, kajian aduan, pengemaskinian perkhidmatan dan organisasi
 - Notifikasi, piawaian, kaji-cuba dan auditing dasar
- 30) Peraturan 9 dari Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggag 83) adalah mengenai:
- Tidak hadir bekerja tanpa mendapat kebenaran
 - Keperluan membuat surat tunjuk sebab/membela diri
 - Kes jenayah yang melibatkan penyalahgunaan dadah dan akta racun
 - Kebeneran keluar negeri hendaklah mendapat kebenaran awal Ketua Jabatan

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah **dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja** dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai **5 markah**.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

- 1) Huraikan konsep dan tatacara penilaian prestasi.
- 2) Nyatakan lima (5) insentif dengan penilaian prestasi kakitangan dibawah peruntukan SK JPM Bil: 7/1989 yang boleh dipertimbangkan.
- 3) Apakah yang difahami mengenai Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam dan nyatakan tiga (3) matlamat utamanya.
- 4) Dibawah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2/2000, menggariskan kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan untuk mematuhi kepada Akta Kerahsiaan Maklumat Kerajaan dan tindakan yang boleh dikenakan jika sabit bersalah. Nyatakan dengan jelas.
- 5) Wang simpanan yang dikumpulkan dalam Skim TAP boleh dikeluarkan dalam beberapa keadaan. Sila nyatakan keadaan-keadaan berkenaan.
- 6) Definasi Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) dan jelaskan tiga (3) sahaja peraturan-peraturan CSDS.
- 7) Nyatakan Gred Penilaian Prestasi bagi peratus (%) prestasi.
- 8) Akta Pencen-pencen 1957 (Penggah 38 – Edisi Baru 1984, Undang-Undang Negara Brunei Darussalam), ada memperuntukkan syarat-syarat bagi persaraan secara mandatori (bersara wajib) dan Warga Perkhidmatan Awam dibolehkan bersara awal daripada perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sila nyatakan.
- 9) Setiap pegawai dan kakitangan kerajaan yang dijemput ke majlis-majlis rasmi untuk menghadirinya berdasarkan Surat Keliling JPM Bil: 11/ 1999 bertarikh 22 Julai 1999. Sila sebutkan empat (4) sahaja majlis-majlis dimaksudkan dan satu (1) alasan munasabah jika tidak dapat hadir.
- 10) Sila nyatakan 5 Tindakan Tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam (menurut kesalahan yang dilakukan).

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah **dikehendaki menjawab dua (2) sahaja daripada tiga (3) soalan.**

SOALAN 1

DASAR DAN PERATURAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Dayang Arsenalina bte Hj Arteta, Pegawai Kerja baharu sahaja ditempatkan di Unit Perkembangan Kapasiti, Jabatan Ukur dan diataskan untuk menyelaras permohonan-permohonan bagi kakitangan jabatan yang berhasrat mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan. Apakah syarat-syarat utama Latihan Dalam Perkhidmatan Luar Negeri dan Dalam Negeri yang perlu diketahui.

(17 ½ markah)

SOALAN 2
DASAR DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN KEMUDAHAN PERUMAHAN

Secara amnya kerajaan boleh memperuntukkan rumah kediaman kepada mana-mana pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang berkelayakan yang meliputi penetapan kelas rumah dan bayaran mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

1. Nyatakan kelayakkan kelas rumah dan potongan bulanan mengikut Bahagian (Division) jawatan dan sukatan tanggagaji pemohon.
(5 markah)
2. Permohonan pegawai dan kakitangan kerajaan untuk peruntukan perumahan kerajaan akan melalui proses penilaian dan pertimbangan berdasarkan syarat-syarat utama dan tatacara permohonan yang lazim. Sila terangkan tujuh (7) daripadanya.
(7 markah)
3. Berdasarkan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 14/2014, sila jelaskan dimana para pegawai dan kakitangan akan mendapat kelayakan kemudahan perumahan.
(2 markah)
4. Sebutkan enam (6) tatacara memperuntukan peruntukan perumahan kerajaan kepada pegawai dan kakitangan tersebut.
(3 markah)
5. Sila nyatakan keadaan-keadaan yang menyebabkan kebenaran peruntukan perumahan terbatal dengan sendirinya.
(1/2 markah)

SOALAN 3
PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN PENUBUHAN
UNIT AUDIT DALAMAN KEMENTERIAN

Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 05/2022.

- 1) Nyatakan ahli-ahli Jawatankuasa Audit Dalaman di peringkat Kementerian. **(3 markah)**

- 2) Apakah syarat-syarat bagi menubuhkan Unit Audit Dalaman didalam Kementerian. Sila sebutkan. **(6 1/2 Markah)**

- 3) Apakah yang dimaksudkan sebagai Audit Dalaman. **(4 Markah)**

- 4) Nyatakan visi dan misi Audit Dalaman. **(4 markah)**

